

02/08/2002

Kimma kesal fitnah Pas

KUALA LUMPUR: Kongres India Muslim Malaysia (Kimma) kesal dengan tindakan penceramah Pas, Bunyamin Yaacob, menuduh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menonton video lucu bersama cucunya.

Timbalan Setiausaha Agungnya, Amir Amsaa Allapitchay, berkata Kimma menganggap tuduhan itu terlalu berat dan mengaibkan serta bertujuan menjatuhkan maruah Perdana Menteri.

"Pas yang mendakwa memperjuangkan hak orang Islam, membuat tuduhan itu semata-mata untuk mendapat sokongan politik. Ia jelas tidak Islam kerana agama melarang umatnya membuat fitnah," katanya pada sidang akhbar di sini, semalam.